

FTeK Anjur Bengkel Penyelenggaraan Enjin Bot Bantu Nelayan



Kuala Pahang, 14 Mac – Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) menganjurkan “Bengkel Perkhidmatan Servis Enjin Bot Nelayan” sebagai usaha membantu nelayan meningkatkan kemahiran dalam menyelenggara enjin bot mereka.

Program yang berlangsung di Kompleks Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuala Pahang baru-baru ini mendapat kerjasama Persatuan Nelayan Kawasan Pekan (PNKP). Mereka turut membantu dalam menyelaras program termasuk penyediaan lokasi dan penyertaan dalam kalangan nelayan sekitar Kuala Pahang.

Penganjuran ini turut melibatkan seramai 18 orang mahasiswa FTeK yang hadir menjayakan program. Hadir sama tenaga pengajar dari GIATMARA Tanjung Piai, Johor iaitu Mohd Fadli Baharudin yang bertugas di Jabatan Penyelenggaraan Enjin Marin. Beliau banyak berkongsi kemahiran dalam menangani masalah teknikal berkaitan enjin bot.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Pekan, Jali Ismail berkata beliau amat berbangga dan berterima kasih atas bantuan yang disalurkan dan penganjuran program oleh fakulti ini.

“Enjin bot ini sangat penting kepada nelayan kerana ianya digunakan untuk menangkap hasil tangkapan laut yang merupakan punca mata pencarian mereka. Akibat kekangan kewangan, penyelenggaraan enjin tidak dapat dilakukan

dengan kerap dan berjadual,” katanya.



Sementara itu, mahasiswa FTek daripada program pembuatan, Ahmad Asnawi Nasir melahirkan rasa bersyukur kerana dapat menyertai program ini yang bukan sahaja berpeluang mendekati komuniti setempat malahan dapat menimba pengalaman tentang kemahiran menyelenggara bot. Selain berkhidmat kepada masyarakat program seperti ini juga memberi faedah dan nilai tambah kepada mahasiswa.

Berita dan gambar disediakan oleh Nurul Nadia Nor Hamran, Wan Nur A'in Mohd Kamal Ibrahim dan Norhidayatul Akmal Azahar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTek). Suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat PNC.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 18-03-2015, 12:43:45